

Hubungan Malaysia-Brunei diperkukuhkan - PM

Oleh ZAREEN HUMAIRAH SEJAHAN
zareen.hs@mediamulia.com.my


PETALING JAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin berpuas hati dengan lawatan kerjanya ke Brunei apabila semua perkara yang dibincang menerusi pertemuan dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman semalam mencapai kata sepakat.

Menerusi lawatan tersebut juga, Perdana Menteri yakin keakraban hubungan dua hala Malaysia-Brunei bakal diperkukuhkan atas dasar persefahaman negara berjiran.

“Saya yakin hubungan baik ini boleh dipertingkatkan ke tahap lebih tinggi. Perbincangan berlangsung dalam suasana amat baik dan ikhlas dengan semua perkara yang dibincang mendapat persetujuan sebulat suara kata beliau selepas mengakhiri lawatan kerja dua hari ke Brunei dalam kenyataan semalam.

Muhyiddin mengadakan lawatan ke Brunei sempena Rundingan Tahunan ke-23 kedua-dua negara.

Kata beliau, antara yang dibincangkan dengan Sultan Brunei pada pertemuan itu ialah aspek diplomasi vaksin iaitu pengaturan vaksinasi timbal



MUHYIDDIN Yassin dan Sultan Hassanal Bolkiah bergambar di Istana Nurul Iman di Bandar Seri Begawan semalam. Turut kelihatan, Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (kanan) dan Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (kiri). - IHSAN PEJABAT PERDANA MENTERI

balik bagi kedua-dua warganegara yang meliputi diplomat, pelajar dan ekspatriat.

“Perkara itu dilaksanakan demi memastikan akses kepada bekalan vaksin untuk kedua-dua negara Brunei dan Malaysia,” kata beliau.

Perdana menteri berkata, kedua-dua negara turut bersetuju untuk saling mengiktiraf sijil vaksinasi dan dengan langkah tersebut akan memudah-

kan pergerakan rakyat merentas sempadan Brunei-Malaysia.

Selain itu, Muhyiddin memaklumkan, pada dasarnya Sultan Hassanal Bolkiah turut bersetuju mewujudkan aturan laluan hijau timbal balas (RGL) dengan langkah pencegahan dan kawalan Covid-19 yang lebih berkesan untuk memudahkan perjalanan perniagaan dan rasmi antara kedua-dua negara.

“Kedua-dua pemimpin tu-

rut mengambil maklum mengenai penangguhan operasi penerbangan sejak Mac tahun lalu dan merancang menyambung semula penerbangan jika penularan Covid-19 semakin baik,” jelasnya.

Selain itu, Malaysia dan Brunei turut menekankan pentingnya untuk mencergaskan kembali dan melindungi kestabilan sosioekonomi kedua-dua negara dan masyarakat.